



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL MASYARAKAT (CSR) SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH 2015 BERSAMA GOLONGAN YANG MEMERLUKAN

KUALA LUMPUR, 12 Februari 2015 – YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiayki, isteri YB Menteri Wilayah Persekutuan, bersama-sama warga Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyertai Program Tanggungjawab Sosial Masyarakat (CSR) Sempena Sambutan Hari Wilayah 2015 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2. Program CSR peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diadakan selama tiga (3) hari bermula pada 12 Februari, 16 Februari dan 17 Februari 2015 yang melibatkan 11 kawasan parlimen. Manakala program CSR peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya akan diadakan pada 13 Februari 2015 dan program CSR peringkat Wilayah Persekutuan Labuan adalah pada 28 Februari 2015.

3. Di atas inisiatif YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiayki sendiri, pelaksanaan program CSR pada tahun ini berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini. Program CSR kali ini berkonsepkan turun padang kepada kumpulan sasar yang telah dikenal pasti iaitu golongan miskin, warga tua, anak yatim dan kanak-kanak istimewa seperti di **Lampiran A**. Pelaksanaan seperti ini menunjukkan keprihatinan pihak kerajaan khususnya warga KWP terhadap golongan yang memerlukan serta meningkatkan keyakinan mereka untuk meneruskan kehidupan pada masa hadapan, seterusnya menyumbang kepada keharmonian negara untuk jangka masa panjang.

4. Bagi pengagihan sumbangan kepada kumpulan sasar ini, pemilihan kawasan dan kumpulan sasar dibuat secara bersama dengan DBKL untuk memastikan semua golongan yang memerlukan mendapatkan sumbangan secara sama rata. Setiap kumpulan sasar yang dipilih akan menerima sumbangan barang keperluan asas serta bantuan kewangan yang akan disampaikan oleh YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiayki, Isteri kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan.

5. Diharapkan menerusi penganjuran aktiviti kemasyarakatan dan program-program CSR sempena SHWP 2015 ini akan memberi impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada warga Wilayah Persekutuan untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan dan juga tema SHWP 2015 iaitu Wilayahku Ceria dalam melahirkan masyarakat Wilayah Persekutuan yang sentiasa cergas, ceria dan bersemangat.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan

12 Februari 2015

KUALA LUMPUR

ATUR CARA PROGRAM CSR SEMPENA SHWP 2015
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

12 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)

| MASA | TEMPAT | SUMBANGAN |
|-----------------------------------|--|---|
| 9.30 pagi hingga 10.30 pagi | PARLIMEN KEPONG Persatuan Kebajikan Warga Tua dan Kanak-Kanak Wilayah Persekutuan No.9, Jalan 9/39, Taman Petaling, Kepong, 52100 Kuala Lumpur | Jumlah penghuni: 34 org (15 Dewasa & 19 Kanak-kanak) <ul style="list-style-type: none"> • Barang Makanan • Sumbangan Wang Tunai |
| | Beautiful Gate Foundation For The Disabled | Jumlah penghuni: 30 org (30 Dewasa) <ul style="list-style-type: none"> • Kerusi Roda Bermotor (3 Unit) |
| 10.30 pagi hingga 11.45 pagi | PARLIMEN SEGAMBUT Rumah Nur Kasih Bestari No.20, Jalan Prima Pelangi 1 Bukit Prima Pelangi, Segambut , 51200 Kuala Lumpur | Jumlah penghuni: 54 orang (4-18 tahun) <ul style="list-style-type: none"> • Barang Makanan • Kelengkapan Tidur • Sumbangan Wang Tunai • Mesin Basuh -10 Kg (1 Unit) • Peti Sejuk (1 Unit) |
| 11.45 pagi hingga 1.00 tengahari | PARLIMEN BATU Rumah Sentuhan Budi No. 76-A, Jalan 5/12D Kg. Sri Batu, Batu 4 ½, Jalan Ipoh 51110 Kuala Lumpur | Jumlah penghuni: 25 orang (12 Kanak-kanak lelaki & 13 kanak-kanak perempuan) <ul style="list-style-type: none"> • Barang Makanan • Kelengkapan Tidur • Sumbangan Wang Tunai • Periuk Nasi Elektrik (Besar) 1 Unit |
| 1.00 tengahari hingga 2.30 petang | Makan Tengahari / Solat | |
| 2.30 petang hingga 3.30 petang | PARLIMEN SETIAWANGSA Pusat Jagaan Nuri No.28, Lorong Air Kuning 5, Jalan Air Kuning, Off Jalan Air Panas, 53000 Kuala Lumpur | Jumlah penghuni: 40 orang (15 Kanak-kanak lelaki & 25 Kanak-kanak perempuan) <ul style="list-style-type: none"> • Barang Makanan • Kelengkapan Tidur • Sumbangan Wang Tunai • Beg Sekolah • Alat Tulis |
| 3.30 petang hingga 4.30 petang | PARLIMEN WANGSA MAJU Pusat Jagaan Anak Yatim Miskin Penyayang Nur Iman Kuala Lumpur (Asrama Anak-anak Yatim, Mualaf dan Fakir Miskin) AP6/AP6A lorong Ibu Kota 6, Taman Ibu Kota, Setapak, 53100 Kuala Lumpur | Jumlah penghuni: 35 orang (25 Kanak-kanak lelaki & 10 Kanak-kanak perempuan) <ul style="list-style-type: none"> • Barang Makanan • Kelengkapan Mandi dan Sabun Basuh • Kelengkapan Tidur • Sumbangan Wang Tunai |